

26/05/1999

PM mohon batal saman malu Anwar

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir mengemukakan permohonan untuk membatalkan saman malu Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang menuntut ganti rugi RM100 juta daripadanya, berhubung kenyataannya didakwa menghina bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Permohonan itu dikemukakan di pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil, Wisma Denmark di sini semalam, menerusi Tetuan Shearn Delamore & Co.

Permohonan yang dikemukakan mengikut Aturan 18 Kaedah 19 (1) (a) (b) (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 itu disokong oleh affidavit Dr Mahathir.

Alasan permohonan itu adalah pernyataan tuntutan berkenaan tidak mempunyai sebab munasabah; mengaibkan; remeh; menyusahkan dan menyalahgunakan proses mahkamah.

Hakim Datuk Kamalanathan Ratnam menetapkan 10 Jun ini untuk mendengar permohonan itu.

Sementara itu, Dr Mahathir juga mengemukakan saman dalam kamar bagi mendapat kebenaran mengemukakan permohonan untuk meminda pernyataan pembelaannya.

Permohonan itu dikemukakan pada mahkamah 19 Mei lalu dan mahkamah menetapkan 21 Jun ini untuk mendengar permohonan berkenaan.

Permohonan Dr Mahathir itu disokong oleh affidavit peguam bela Cecil Abraham dan ia dikemukakan mengikut Aturan 20 Kaedah 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Alasan permohonan itu ialah Dr Mahathir diberi kebenaran untuk membuat pindaan pernyataan pembelaan bagi memberi penjelasan berhubung peristiwa yang berlaku baru-baru ini.

Pindaan itu perlu untuk memastikan ketepatan fakta dan tidak berniat jahat serta memudaratkan Anwar.

Dalam saman malunya ke atas Dr Mahathir pada 25 Januari lalu, selain menuntut ganti rugi, Anwar juga memohon perintah menghalang Dr Mahathir atau wakilnya daripada terus mengeluarkan kenyataan atau membuat ulasan mengenai beliau.

Anwar mendakwa Dr Mahathir mengeluarkan kenyataan yang memfitnahnya di depan wartawan tempatan dan asing dalam sidang akhbar pada 22 September.

Menurutnya, Dr Mahathir mengetahui kenyataan itu akan disiarkan oleh media tempatan dan luar negara.

Sehubungan itu, katanya, wartawan majalah Newsweek, Dorinda Elliot, menulis artikel bertajuk Here's mud in your face - Accusations of sexual misconduct and corruption in an Asian smear war that rivals even Washington's berdasarkan kepada kenyataan Dr Mahathir itu.

Anwar mendakwa, artikel itu disiarkan pada halaman 24 majalah Newsweek keluaran 5 Oktober 1998 dan diedarkan secara meluas di Malaysia dan seluruh dunia.

Menurutnya, artikel itu juga disiarkan oleh akhbar The Sun pada halaman dua 23 September 1998 bertajuk: Anwar's behaviour despicable: PM dan CNN International serta beberapa stesen televisyen dan radio.

Dalam pembelaannya, Dr Mahathir berkata, sebagai Perdana Menteri beliau mempunyai perlindungan bersyarat apabila mengeluarkan kenyataan yang didakwa menghina Anwar.

Katanya, beliau mengeluarkan kenyataan itu bagi menjawab balik kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri itu yang dibuat di khalayak ramai serta

menerusi sidang akhbar.

Dr Mahathir berkata, Anwar selepas dilucutkan jawatan daripada Kabinet pada 2 September tahun lalu dan dipecat daripada Umno sehari selepas itu, membuat kenyataan menyerangnya, kerajaan Malaysia dan Umno, parti yang Dr Mahathir menjadi presiden.

Menurutnya, Anwar mengeluarkan kenyataan pada 3 September bagi menjawab afidavit yang difailkan dalam kes Datuk S Nallakaruppan dan beliau menafikan tohmahan dalam afidavit serta mendakwa ada konspirasi politik peringkat tertinggi menjatuhkannya.

Pada 4 September, dalam perhimpunan di rumahnya Anwar membuat ucapan di depan media tempatan dan asing. Sekali lagi, beliau mengulangi dakwaan ada konspirasi politik menjatuhkannya.

Anwar juga memberitahu wartawan akhbar The Sun pada 4 September bahawa jentera kerajaan seperti Peguam Negara dan polis digunakan untuk membuat tuduhan palsu terhadapnya.

Bekas menteri kewangan itu pada 18 September mencabar Dr Mahathir supaya meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan mendakwa Dr Mahathir marah apabila dia (Anwar) meminta Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi membangkitkan isu kronisme, nepotisme dan rasuah dalam perhimpunan agung Umno.

Dr Mahathir mendakwa, beliau mengeluarkan kenyataan itu bagi melaksanakan kewajipan sosial dan moral kepada rakyat negara ini bagi memastikan ketenteraman dan keselamatan awam serta menjamin keselamatan rakyat.

Dalam jawapan kepada pembelaan Dr Mahathir, Anwar berkata, Perdana Menteri bertanggung jawab memfitnahnya dan dengan sengaja menyebabkan penerbitan perkataan menghina di media tempatan serta luar negara.

(END)